

**TEKS UCAPAN LT. KOL PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI
PROGRAM BERSAMA TOKOH BERSEMPENA DENGAN MINGGU
SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK
2005/2006 DI DEWAN WARISAN KANGAR PADA 8 JULAI 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SELAMAT SEJAHTERA

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ZIN, TIMBALAN
MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA MERANGKAP YANG DIPERTUA
PEMADAM,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA
PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA KUKUM,

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2004/2005

PEMBANTU-PEMBANTU PELAJAR MINGGU SUAIKENAL,

DAN PARA PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006 SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANAHU WA TAALA KERANA REZEKI YANG DICURAHKAN BUAT KITA SEMUA DI BUMI INDERA KAYANGAN INI TIDAK PERNAH BERNOKTAH. LIMPAHAN KASIH SERTA SAYANG-NYA YANG TERUS SUBUR ITU MEMAKMURKAN KITA SEMUA UNTUK SEKALI LAGI BERHIMPUN DAN BERKAMPUNG DI PROGRAM BERSAMA TOKOH BERSEMPENA DENGAN MINGGU SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 DI DEWAN WARISAN INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA MEWAKILI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DAUN KELADI KEPADA YANG BERHORMAT DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ZIN ATAU LEBIH MESRA DENGAN PANGGILAN 'ABAH' KERANA TELAH SUDI MENERIMA UNDANGAN UNTUK MENJADI TETAMU DI DALAM SEGMENT BERSAMA TOKOH INI.

BIARPUN DI HAMBAT TUGAS YANG SENTIASA MENAMPUK, BIARPUN KELIBATNYA SENTIASA DITAGIH DI SANA SINI SEBAGAI AHLI PARLIMEN DAN YANG DIPERTUA PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA (PEMADAM), TETAPI KERANA KASIH 'ABAH' KEPADA ANAK-ANAK BANGSA, BELIAU TERBANG JUA MELABUHKAN SAYAPNYA UNTUK BERSAMA-SAMA DENGAN KITA DI MALAM INI DAN SUDI BERKONGSI PENGALAMAN NAN BERHARGA UNTUK DIJADIKAN PANDUAN DAN PEMBAKAR SEMANGAT PEWARIS KEPIMPINAN NEGARA.

AMBIL TALI PANJANG TUJUH,
MINYAK BERCAMPUR AIR MAWAR,
ABAH UMPAMA BUNGA YANG KEMBANG,

SENTIASA HIDUP DI DALAM HATI.

KAPAL DAGANG TENGAH LAUTAN,
DIPUKUL OMBAK HANYUT KE TEPI,
HADIR ABAH UMPAMA BULAN,
BERI SINAR SERATA BUMI.

UNTUK MAKLUMAN 'ABAH', SERAMAI LEBIH KURANG 819 ORANG PELAJAR BARU TELAH MENDAFTAR DI UNIVESITI INI PADA 3 JULAI LALU DI DEWAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR KUKUM DI KUALA PERLIS YANG TELAH TURUT MENCATATKAN SEJARAH TERSENDIRI DALAM SEJARAH TUBUH MANA-MANA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DI NEGARA INI.

BUAT PERTAMA KALINYA, IA TELAH DIHADIRI OLEH TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, PEMANGKU RAJA PERLIS YANG JUGA CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INI. SEPURNAMA LAMANYA KAMI MENYULAM BUNGA IDEA, MERENCANA MADAH KERJA BAGI MENGISI PELBAGAI PROGRAM SERTA AKTIVITI SEPANJANG MINGGU SUIKENAL INI BERLANGSUNG.

ANTARA LAIN SEPERTI SESI TAKLIMAT BERSAMA IBU BAPA DAN WARIS PELAJAR DI HARI PENDAFTARAN, TAKLIMAT BIMBINGAN DAN INFORMASI OLEH PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN, TAKLIMAT PINJAMAN PELAJARAN DARI WAKIL PTPTN, TAKLIMAT OLEH PALAPES, MAJLIS SAMBUTAN SISWA-SISWI DAN MAJLIS IKRAR DAN AKU JANJI, FORUM AGAMA ISLAM HADHARI YANG TELAH PUN BERLANGSUNG PADA MALAM SEMALAM DAN KEMUNCAK MAJLIS IAITU PROGRAM BERSAMA TOKOH PADA MALAM INI.

PARA PELAJAR SEKALIAN,

OBJEKTIF UTAMA PENGANJURAN PROGRAM BERSAMA TOKOH YANG DIADAKAN PADA MALAM INI BERTUJUAN ANTARA LAIN UNTUK MERANGSANG SEMANGAT ANDA SEMUA SEBAGAI PELAJAR-PELAJAR BARU KUKUM UNTUK BERJAYA DAN KENDIRI DI DALAM MENGHARUNGI KEHIDUPAN PENUH CABARAN DAN RINTANGAN BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI.

SEMANGAT DAN ILTIZAM PARA PELAJAR PERLU DIGERAKKAN SUPAYA ANDA SEMUA SENTIASA BERPIJAK DI BUMI NYATA DAN TAHU APA YANG INGIN DICAPAI DAN KE MANA ARAH TUJU KEHIDUPAN SEBAGAI MANUSIA YANG MEMEGANG AMANAH, TUGAS SERTA TANGGUNG JAWAB DALAM PENTAS REALITI SEBAGAI ANAK, MAHASISWA-MAHASISWI DAN RAKYAT DI NEGARA MALAYSIA YANG TERCINTA INI.

MEMPUNYAI CITA-CITA AMAT PERLU SUPAYA ANDA SENTIASA FOKUS KEPADA IMPIAN DAN BERUSAHA DENGAN PENUH GIGIH MENGGAPAI IMPIAN TERSEBUT. BUKAN SEPERTI LAYANG-LAYANG PUTUS TALI, MENYERAHKAN DIRI KEPADA NASIB. SUNGGUH IRONIK KERANA MANUSIA YANG BERPUTUS HARAP SANGAT DI BENCI OLEH ALLAH S.W.T.

PUN BEGITU, SAYA SEDAR ADA MASA DAN TIKANYA KITA SEBAGAI MANUSIA BIASA, TERKADANG ALPA DAN TERLALAI LUPA BILA TERUJA DENGAN SESUATU YANG BARU DAN MENYERONOKKAN. NAMUN, APABILA KITA KEMBALI DIPERINGATKAN OLEH ORANG LAIN, KITA HARUS MENGUCAPKAN TANDA SYUKUR DAN KEMBALI MENJADI DIRI SENDIRI.

DENGAR, BELAJAR DAN MINTA LAH NASIHAT MAHUPUN PANDANGAN DARI ORANG YANG TELAH TEGA DENGAN RENCAH KEHIDUPAN. PENGALAMAN MEREKA INI IBARAT MUTIARA DI DASAR LAUTAN YANG SEPI. BILA TIBA SAAT DAN MASA, WAKTU DAN PERISTIWA IA BERSINAR MENERANGI BUAT YANG MAHU MENGGUNAKANNYA.

SAYA MAHU PARA PELAJAR SEMUA MENGGUNAKAN KESEMPATAN RUANG DAN MASA BERBUAL DAN BERBICARA DENGAN TOKOH YANG KITA JEMPUT PADA MALAM INI UNTUK BERTANYA APA JUA PANDANGAN, NASIHAT SERTA PANDUAN KERANA 'ABAH' ADALAH SEORANG INSAN YANG CUKUP ISTIMEWA.

BELIAU KAYA DENGAN ILMU, SARAT DENGAN PENGALAMAN BAIK SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN, SASTERAWAN, BAPA MALAH JUGA PERNAH BERGELAR SEORANG PENDIDIK SELAMA 13 TAHUN. BELIAU CUKUP ARIF DALAM MEMBERI MOTIVASI KEPADA PARA PELAJAR KERANA JIWANYA BEGITU HALUS DAN BERSENI. SEPERTI MANA KATA YANG BIJAK BESTARI, ORANG SENI MELIHAT APA YANG ORANG LAIN TIDAK NAMPAK. CUKUP SENSITIF DAN SENTIASA PROAKTIF.

AKHIR KATA SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI, DENGAN PENUH TAWADUK DAN KEIKHLASAN, SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA YANG BERHORMAT DATO' ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ZIN ATAU 'ABAH' KERANA TELAH SUDI BERKELANA BIARPUN SEBENTAR CUMA BERSAMA KAMI WARGA KUKUM. TERIMA LAH SERANGKAP DUA PANTUN INI SEBAGAI CENDERA LISAN PENUH KEIKHLASAN DARI KAMI.

BINTANG BARAT TERBIT PETANG,
BINTANG TIMUR TERBIT PAGI,

JIKA TIDAK MELARAT PANJANG,
ADA UMUR BERTEMU LAGI.

TANAM LENGGUN TUMBUH KELAPA,
TERBIT BUNGA PUCUK MATI,
BUDI ABAH SAYA TAK LUPA,
SUDAH TERPAKU DI DALAM HATI.

UCAPAN TAHNIAH JUGA DITITIPKAN BUAT SEMUA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM KERANA TELAH BERUSAHA DENGAN PENUH KESUNGGUHAN DALAM MENZAHIRKAN PROGRAM YANG SANGAT BERMANFAAT INI. TERUS KAN LAH USAHA, KUDRAT DAN INISIATIF MURNI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA DALAM USAHA MEMARTABATKAN NAMA UNIVERSITI INI AGAR IA TERSOHOR SEANTERO PELUSUK TANAH AIR.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH,
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.